



KENYATAAN PRA KELAYAKAN

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

**CADANGAN PEMBANGUNAN (REKA DAN BINA) 'QURAN VILLAGE' (FASA 1) YANG MENGANDUNGI MASJID KARIAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN PT 9112, PRESINT 14, PUTRAJAYA.
(NO. PRA KELAYAKAN: PPJ/PRE-Q/JR/2/2023)**

- Tender pra kelayakan adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- Maklumat pelawaan Pra Kelayakan serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER PRA KELAYAKAN	KEUPAYAN KEWANGAN : 'NETT WORTH'/ MODAL PUSINGAN/ MODAL MUDAH CAIR	KEUPAYAAN TEKNIKAL : NILAI TAHUNAN KESELURUHAN (NTK) KERJA SERUPA	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
CIDB Gred G7 Kategori B, Pengkhususan B04 DAN Kategori CE, Pengkhususan CE21	'Nett Worth' Melebihi RM5,200,000.00 atau Modal Pusingan Melebihi RM2,600,000.00 atau Modal Mudah Cair Melebihi RM780,000.00	Melebihi RM7,800,000.00 Kerja Serupa dalam Tempoh 5 Tahun Lepas	24 Mei 2023 (Rabu) 10.00 Pagi Bilik Dahlia, Aras 5, Blok D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	24 Mei 2023 (Rabu) Sehingga 6 Jun 2023 (Selasa) Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia (RM 50.00) (Tidak dikembalikan) Tunai / Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	19 Jun 2023 (Isnin) 12.00 tengah hari Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- Syarat-syarat memasuki pra kelayakan :

A) Pendaftaran Kontraktor

- Mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) atau Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ).
- Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) .
- Petender dikehendaki untuk mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada tarikh tutup pelawaan (tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang.
- Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh LPIPM dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.
- Sijil PPK dan SPKK hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

B) Keupayaan Teknikal

- Prestasi Kerja Semasa
 - Tiada rekod projek sakit ; dan
 - Tiada rekod tidak memuaskan dari segi tempoh siap dan kualiti kerja dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.
- Pengalaman Kerja
 - Mempunyai pengalaman kerja yang serupa dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu; serta
 - Berpengalaman sebagai Kontraktor Utama/Subkontraktor serta melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan; dan
 - Nilai Tahunan Keseluruhan (NTK) Kerja Serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas **melebihi RM7,800,000.00**.

C) Perunding Kontraktor

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut:

- Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan; dan
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan

- Dokumen Meja Pra Kelayakan boleh disemak dan dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Taklimat Pra Kelayakan akan diadakan pada 24 Mei 2023 (Rabu), 10.00 pagi di Bilik Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil PPK dan SPKK adalah DIWAJIBKAN. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran LPIPM, Sijil SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, Sijil STB dan Cap Syarikat.**
- Dokumen Pra Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil LPIPM, Sijil SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Sijil STB.**
- Pelawaan Pra Kelayakan ini akan tutup pada **19 Jun 2023** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Pra Kelayakan yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah :

**Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga,
Aras 3, Bangunan Annexe
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3,
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**

- Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk pembelian Dokumen Pra Kelayakan tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Pra Kelayakan tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Wakil yang berurusan di kaunter jualan dikehendaki mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan.